

TANGGUNGJAWAB AMIL DALAM PENGURUSAN ZAKAT NEGERI SELANGOR.¹

Oleh:

Dato' Setia Hj. Mohd. Tamyas bin Abd. Wahid
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor.

PENDAHULUAN.

Suasana pengurusan zakat pada masa kini mungkin terdapat perbezaan dengan pengurusan zakat pada zaman silam terutama sekali pada zaman Rasulullah s.a.w. atau zaman Khulafa' ar-Rasyidin. Ketika itu polisi zakat adalah terletak sepenuhnya pada baginda Rasulullah s.a.w. dan Khulafa' ar-Rasyidin, di samping tidak banyak peraturan bertulis disediakan.

Tetapi pada masa kini, sesuai dengan perkembangan semasa dan peradaban tamadun manusia, semua peraturan telah ditulis dan dijadikan sebagai satu garis panduan atau undang-undang bagi memudahkan pengurusan zakat dilaksanakan. Maka dengan peraturan ini, setiap amil zakat atau kakitangan zakat hendaklah melaksanakan tugasnya berdasarkan peraturan tersebut dengan penuh rasa keinsafan dan tanggungjawab.

Tanggungjawab sebagai amil adalah satu amanah. Selain amanah daripada Allah s.w.t., para amil juga memikul amanah daripada D.Y.M.M. Sultan Selangor sebagai Ketua Agama bagi Negeri Selangor, pihak pemerintah, amanah terhadap diri sendiri serta amanah daripada setiap lapisan masyarakat Islam.

Sekiranya ia dilaksanakan dengan baik, patuh, ikhlas, jujur, penuh rasa tanggungjawab dan amanah, insyaAllah akan diberi ganjaran yang besar oleh Allah s.w.t. Sebaliknya, sekiranya kita tidak melaksanakan sesuatu amanah

¹ Kertas kerja ini dibentangkan pada Seminar Pemantapan Integriti dan Akauntibiliti Dalam Pengurusan Zakat Negeri Selangor, 27 Ogos 2008, Kompleks Kesenian Islam Yayasan Restu, Shah Alam, anjuran Lembaga Zakat Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

dengan ikhlas dan jujur ertinya kita telah mengkhianati amanah Allah, mengkhianati kepercayaan D.Y.M.M. Sultan Selangor, pihak pemerintah serta mengkhianati amanah daripada masyarakat Islam lebih-lebih lagi terhadap pembayar zakat di negeri ini.

ASNAF AMIL.

Terdapat lapan golongan yang berhak menerima zakat yang disebut oleh Allah s.w.t. dalam al-Quran seperti mana firman-Nya yang bermaksud:²

Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, miskin, para amil yang menguruskannya, para muallaf yang dijinakkan hatinya, dan hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Asnaf yang ketiga yang dinyatakan dalam ayat ini merupakan asnaf yang terpenting dalam sistem agihan zakat kerana sesungguhnya asnaf amil inilah yang menguruskan dua tanggungjawab asas iaitu kutipan dan agihan dana zakat. Asnaf amil dianggap sebagai terpenting kerana mereka yang terlibat ini adalah terdiri daripada pegawai yang dilantik dan berkhidmat untuk mengumpul dan mengagih dana zakat berbanding asnaf-asnaf lain yang semata-mata menerima agihan sahaja.³

Oleh itu, amil zakat boleh terdiri daripada sebuah institusi, yayasan, individu atau pembayar zakat itu sendiri yang mendapat keizinan Sultan atau pemerintah yang membantu untuk mengurus serta mentadbir kutipan dan agihan zakat kepada asnaf untuk pembangunan sosio-ekonomi ummah.

² al-Quran, surah at-Taubah ayat 60.

³ an-Nawawi, Raudhah at-Talibin, jld. 2, Maktabah al-Islami, Beirut, 1964, hal. 328.

Rasulullah s.a.w. melalui sebuah hadis daripada Rafi' bin Hudayj, bersabda:

“الْعَامِلُ عَلَى الصَّدَقَةِ بِالْحَقِّ كَالْعَازِي فِي سَبِيلِ اللَّهِ حَتَّى يَرْجِعَ إِلَى بَيْتِهِ”

Maksud: Pegawai zakat yang berkhidmat untuk mengutip dan mengagihkan dengan telus dan efisien akan mendapat pahala setanding dengan pahala tentera (mujahid) yang mendapatkan harta rampasan perang sehingga ia kembali ke tempat tinggalnya.⁴

Berhubung jawatan amil, jumhur ulama' bersepakat bahawa ia merupakan jawatan yang dilantik oleh Kerajaan Islam kepada individu, organisasi atau pemilik harta itu sendiri.⁵ Jumhur ulama' juga bersepakat, tanggungjawab amil adalah mengutip dan mengagihkan dana zakat kepada asnaf yang telah ditentukan nas dan ijtihad (fatwa) melalui program-program agihan.

SYARAT DAN ADAB AGIHAN ZAKAT KEPADA AMIL.

Mengikut pendapat para fuqaha', agihan dana zakat kepada amil mestilah memenuhi syarat-syarat dan adab-adab tertentu kerana perkhidmatan amil merupakan jawatan awam yang bertaraf *haq al-wilayah*. Syarat-syarat tersebut adalah:

1. Beragama Islam - Penjawat jawatan amil disepakati oleh jumhur fuqaha' mestilah seorang Muslim.⁶ Namun, al-Mawardi seorang sahaja yang mengharuskan amil bukan dari kalangan yang beragama Islam kerana mereka tergolong dalam perkhidmatan *al-tanfiz* tetapi mendapat upah sebagai kakitangan amil daripada peruntukan baitulmal, bukannya zakat.

⁴ Abu Daud, Sunan Abu Daud, hal. 16 dan Ibn Abi Shaybah, jld. 1, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1995, hal. 140.

⁵ Kewajipan ini berdasarkan kepada surah at-Taubah, ayat 60 dan 103. Imam as-Syafii menamakan perkhidmatan ini dengan nama jawatan *wali idarah amwal az-zakat*. Lihat as-Syafii, al-Umm, jld. 2, Dar al-Ma'rifah, Beirut, hal. 61.

⁶ Lihat surah ali-Imraan, ayat 118 dan an-Nisaa', ayat 140.

2. Merdeka - Bukan dari kalangan hamba atau hak pengurusan seseorang itu dihalang atau disekat oleh undang-undang, kecuali pendapat Imam Ahmad bin Hanbal yang mengharuskan amil terdiri daripada golongan hamba.
3. Taklif - Mereka yang mampu bekerja dan bertanggungjawab. Sihat mental iaitu bukan daripada kalangan kanak-kanak atau tidak siuman. Selain itu, mereka juga sempurna pancaindera dan mengetahui hukum-hakam berkaitan kutipan dan agihan zakat.⁷
4. Adil - Individu yang dilantik bukan terdiri daripada orang fasiq dan zalim sehingga hilang kelayakan menjadi saksi.
5. Amanah dan telus dalam perkhidmatan. Syarat ini diambil daripada nasihat Imam Abu Yusuf kepada Khalifah Harun ar-Rashid, katanya:

‘Saya mohon kepada Tuanku Khalifah melantik pegawai awam yang jujur, amanah, sihat, bertanggungjawab kepada kerajaan dan berkhidmat kepada rakyat. Pegawai yang dilantik juga tidak menggelapkan dan menyalahgunakan dana zakat’.⁸

Dalam perkara yang sama, Rasulullah s.a.w. juga pernah bersabda:

مَنْ اسْتَعْمَلَنَا عَلَى عَمَلٍ فَرَزَقْنَاهُ رِزْقًا فَمَا أَخَذَ بَعْدَ ذَلِكَ فَهُوَ غُلُولٌ.

Maksud: Sesiapa yang melantik pekerja hendaklah diberi upah yang setimpal dan jangan pula ia mengkhianati majikannya.⁹

6. Berperibadi mulia, mesra (*ar-rifq*) dan boleh dipercayai (*thiqah* dan *murū’ah*). Amil harus berusaha mencari bakal-bakal atau orang yang benar-benar layak menerima zakat. Ini kerana sebahagian asnaf tidak menzahirkan kesusahannya dengan meminta-minta kepada

⁷ an-Nawawi, Raudhah at-Talibin, jld. 2, Maktabah al-Islami, Beirut, 1964, hal. 335.

⁸ al-Rahabi, Matalib Ula an-Nuha, jld. 1, Maktab al-Islami, Damsyiq, 1380H, hal.535.

⁹ Abu Daud, Sunan Abu Daud, jld. 3, Kaherah, 1950, hal. 353.

orang ramai atau pemerintah disebabkan golongan fakir dan miskin ada yang bersifat ingin menjaga maruah diri.

7. Berpengetahuan tinggi dalam *fiqh az-zakat*, berketerampilan untuk berjihad, mampu menyediakan perancangan strategik tahunan dan patuh terhadap setiap polisi negara.¹⁰ Semasa Rasulullah s.a.w. melantik Saidina Umar al-Khattab, Saidina Ali bin Abi Talib dan Muaz bin Jabal menjawat jawatan sebagai pegawai zakat, mereka sentiasa menerima arahan-arahan baru mengenai pelbagai isu dan polisi pengurusan zakat daripada baginda, walaupun mereka ini mampu untuk berjihad.
8. Terdiri daripada kaum lelaki. Pengikut Hanabilah dan Syafi'iyah mensyaratkan (memberi keutamaan) pegawai zakat terdiri daripada pegawai lelaki. Namun, terdapat sebahagian pendapat lain dalam mazhab Syafii yang mengharuskan pegawai zakat terdiri daripada kaum wanita.¹¹ Oleh kerana keperluan pada masa kini, adalah wajar kaum wanita diberi peluang menjadi pegawai zakat selagi keharusannya tiada sekatan syara' secara khusus.
9. Berdoa dan mengucapkan kesyukuran kepada pembayar zakat supaya mereka dapat ganjaran pahala dan keberkatan. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:¹²

Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Imam as-Syafii dan Imam an-Nawawi juga berdoa kepada setiap

¹⁰ an-Nawawi, Raudhah at-Talibin, jld. 2, Maktabah al-Islami, Beirut, 1964, hal. 135, 335 dan 337.

¹¹ al-Dusuqi, Hashiyat al-Dusuqi, jld. 1, Kaherah, hal. 495; al-Bakri, 'Inayah al-Talibin, jld. 2, Dar al-Ihya' al-Kutub, Beirut, hal. 190.

¹² al-Quran, surah at-Taubah ayat 103.

pembayar zakat yang membayar kepada mereka. Lafaz doa yang dibaca adalah seperti berikut:

أَجْرَكَ اللَّهُ فِيمَا أُعْطِيتَ وَبَارَكَ اللَّهُ فِيمَا أُبْقِيتَ وَجَعَلَ اللَّهُ لَكَ طَهُورًا.

Maksud: Allah memberi pahala terhadap zakat yang telah kamu bayar dan kamu akan mendapat keberkatan. Ia akan membersihkan hati kamu dan harta kekayaan milik kamu¹³

10. Mengelakkan diri dari mudah menerima sebarang bentuk hadiah atau sagu hati yang boleh dikaitkan dengan perbuatan rasuah. Oleh itu, jawatan amil tidak boleh dijadikan kemegahan atau batu loncatan untuk mencari kemewahan. Rasulullah s.a.w. bersabda:

عَنْ أَبِي حَمِيدٍ السَّعِيدِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَعْمَلَ رَجُلًا مِنَ الْأَزْدِ عَلَى الصَّدَقَةِ، يُقَالُ لَهُ ابْنُ النَّثِيَّةِ..... فَلَمَّا جَاءَهُ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: هَذَا لَكُمْ، وَهَذَا أُهْدَى لِي. فَقَالَ لَهُ: (أَفَلَا قَعَدْتَ فِي بَيْتِ أَبِيكَ وَأُمَّكَ، فَظَنَرْتَ أُيْهَدَى لَكَ أَمْ لَا؟) ثُمَّ قَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْمَنْبَرِ، فَحَمِدَ اللَّهَ وَأَثْنَى عَلَيْهِ، قَالَ: ((مَا بَالُ الْعَامِلِ نَسْتَعْمِلُهُ عَلَى بَعْضِ الْعَمَلِ مِنْ أَعْمَالِنَا، فَيَجِيءُ فَيَقُولُ: هَذَا لَكُمْ وَهَذَا أُهْدَى لِي، أَفَلَا جَلَسَ فِي بَيْتِ أَبِيهِ وَبَيْتِ أُمِّهِ، فَيَنْظُرُ هَلْ يُهْدَى لَهُ شَيْءٌ أَوْ لَا؟ وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَا يَأْتِي أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنْهَا بِشَيْءٍ إِلَّا جَاءَ بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يَحْمِلُهُ عَلَى رَقَبَتِهِ، أَنْ كَانَ بَعِيرًا لَهُ زَغَاءٌ أَوْ بَقْرَةٌ لَهَا خَوَّارٌ أَوْ شَاةٌ لَهَا تَيْعَرٌ. ثُمَّ رَفَعَ يَدَيْهِ حَتَّى رَأَيْتُ عَفْرَةَ إِبْطِيئِهِ، فَقَالَ: اللَّهُمَّ هَلْ بَلَغْتَ، اللَّهُمَّ هَلْ بَلَغْتَ.))

Maksud: Diriwayatkan daripada Abu Hamid al-Sa'idi r.a. katanya, Rasulullah s.a.w. telah memberi tugas kepada seorang lelaki dari kaum al-Azad yang dikenali sebagai Ibnu Lutbiyyah. Lelaki tersebut ditugaskan untuk menjalankan urusan sedekah. Setelah kembali dari menjalankan tugasnya, lelaki tersebut berkata kepada Rasulullah s.a.w.: Bahagian ini untuk Rasulullah dan bahagian ini pula untukku kerana sememangnya ia akan dihadiahkan kepadaku. Bukankah jika

¹³ an-Nawawi, Raudhah at-Talibin, jld. 2, Maktabah al-Islami, Beirut, 1964, hal. 211.

engkau duduk di rumah bapa atau ibumu (tanpa memegang sebarang jawatan) dan perhatikan adakah engkau akan dihadiahkan sesuatu atau tidak. Setelah mendengar kata-kata tersebut, lalu Rasulullah s.a.w. berdiri di atas mimbar. Setelah mengucapkan puji-pujian kehadiran Allah s.w.t., baginda bersabda: Adakah patut seorang petugas yang aku kirim untuk menguruskan suatu tugas berani berkata: Ini untuk anda dan ini pula untukku kerana sememangnya ia akan dihadiahkan kepadaku. Bukankah jika ia duduk di rumah bapa atau ibunya (tanpa memegang sebarang jawatan) dan perhatikan adakah dia akan dihadiahkan sesuatu atau tidak. Demi Zat Muhammad yang berada di dalam kekuasaan Allah, jika salah seorang di antara kamu yang memperolehi sesuatu dari hasil sedekah, maka pada hari kiamat kelak dia akan datang dengan memikul seekor unta yang sedang melenguh, seekor lembu atau seekor kambing yang mengembek di atas tengkuknya. Kemudian baginda mengangkat kedua-dua tangannya sehingga ternampak kedua ketiakanya yang putih dan bersabda: Ya Allah, bukankah aku telah sampainya? Bukankah aku telah sampaikan?¹⁴

11. Bersifat *mubadarah* (bersegera), sesuai dengan kehendak surah at-Taubah, ayat 103. Para amil tidak boleh hanya menunggu kedatangan pembayar zakat di pejabat sahaja. Sebaliknya, para amil seharusnya bersikap 'turun padang' untuk memungut zakat. Selain itu, amil juga seharusnya membuat perancangan supaya dana zakat dapat menyucikan diri para pembayar dan penerima zakat serta dapat mengembangkan kekayaan dan keberkatan harta tersebut untuk pembangunan asnaf.
12. Mengamalkan prinsip agihan yang dicadang oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri sebagaimana yang tercatat dalam buku Prosedur Pengurusan Agihan Zakat yang Standard,

¹⁴ Muslim, Sahih Muslim, jld. 12, Dar Ihya' al-Turath al-Arabi, Beirut, 1972, hal. 218 dan al-Baihaqi, Sunan al-Kubra, jld. 4, Dar al-Ma'rifat, Beirut, hal. 158.

seperti konsep menyeluruh, agihan kepada semua asnaf secara saksama, *had al-kifayah*, *khusussiyah*, berhemah, *istiqlal*, *tarshih* dan berkeutamaan.

13. Wali *Idarah az-Zakah* (Pengurus Besar Zakat) berdasarkan perantikan imam melalui peruntukan undang-undang sebagai fardhu kifayah. Di atas jawatan itu, ia akan dipertanggungjawabkan kelancaran pengurusan zakat. Ia juga dipertanggungjawabkan ke atas kehilangan, kemusnahan dan pelanggaran peraturan zakat serta penyalahgunaan dana zakat.

KONSEP AMANAH DALAM PENGURUSAN ZAKAT.

Amanah berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud tenteram, aman, selamat dan harmoni. Dalam konteks pengertian nilai dan akhlak, amanah adalah menghargai kepercayaan orang lain terhadap diri seseorang dengan melaksanakan segala tuntutan yang terdapat dalam kepercayaan tersebut.

Amanah dalam erti kata yang lain adalah tanggungjawab yang diterima seseorang yang diberikan kepercayaan kepadanya bahawa ia boleh melaksanakan tanggungjawab sebagaimana yang dituntut tanpa mengabaikannya. Apabila tanggungjawab tersebut ditunaikan dan kepercayaan yang diberikan itu dihargai, maka mereka yang menerima dan melaksanakannya akan mendapati dirinya tenteram, aman, selamat dan harmoni.¹⁵

Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud:¹⁶

Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya

¹⁵ Dato' Hj. Nakhaie Hj. Ahmad, Huraian Kepada Panduan al-Quran dan Hadis, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1996, hal. 2.

¹⁶ al-Quran, surah al-Ahzab, ayat 72.

(kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.

Amanah merupakan suatu perkara yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Semua peranan yang dimainkan oleh setiap individu adalah berkisar pada amanah yang telah diletakkan ke atas dirinya. Dalam suatu kisah, Sayidina Umar al-Khattab menemui seorang pengembala yang menjaga beratus-ratus ekor kambing milik tuannya. Beliau menyatakan hasrat untuk membeli seekor kambing kepada pengembala tersebut. Namun, pengembala itu menyatakan bahawa kambing itu bukan miliknya tetapi milik tuannya. Sayidina Umar mengatakan, kambing yang dijaganya itu bilangannya menjangkau ratusan ekor, jika pengembala tersebut menjual hanya seekor kambing kepada beliau, tentu tuannya tidak akan mengetahui. Pengembala itu dengan penuh tawadhu' menjawab, sudah tentu tuan aku tidak akan mengetahuinya, tetapi Allah s.w.t. mengetahui apa yang aku lakukan iaitu mengkhianati amanah dan kepercayaan yang telah diberikan kepadaku.

Setiap individu tidak boleh melepaskan dirinya dari menunaikan amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Justeru, amanah terhadap Allah s.w.t. dan Rasul-Nya, pemerintah dan masyarakat serta terhadap diri sendiri perlulah ditunaikan dengan sebaik mungkin bagi mendapat kesejahteraan dunia dan akhirat.

1. Amanah terhadap Allah dan Rasul-Nya.

Perkara ini bermula daripada kedudukan manusia sebagai hamba Allah s.w.t. dan berfungsi sebagai khalifah-Nya. Tanggungjawab manusia sebagai hamba Allah s.w.t. adalah patuh, tunduk dan taat kepada-Nya. Tanggungjawab manusia sebagai khalifah pula adalah membangun, memakmur dan melaksanakan islah di bumi Allah ini mengikut kehendak dan tuntutan yang terkandung dalam al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w.

Kedudukan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah adalah merupakan satu amanah dan kepercayaan yang mesti dilaksanakan secara keseluruhannya. Segala kewajipan dan tuntutan agama hendaklah dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Sekiranya ia dilaksanakan, maka ini bermakna seseorang itu telah menunaikan amanah kepada Allah s.w.t.

Amanah terhadap Rasulullah s.a.w. adalah merupakan cabang daripada amanah terhadap Allah s.w.t. Baginda telah menyediakan as-Sunnah serta *qudwah* (ikutan) yang baik dan ia merupakan amanah baginda kepada umatnya yang perlu dipelihara, dihargai serta dipatuhi. Patuh dan taat kepada Rasulullah s.a.w. merupakan sebahagian daripada kepatuhan dan ketaatan terhadap Allah s.w.t.

2. Amanah terhadap pemerintah dan masyarakat.

Amanah terhadap pemerintah dan masyarakat adalah merupakan suatu kepercayaan terhadap seseorang individu bagi melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab. Hanya mereka yang dipercayai boleh melaksanakan sesuatu tugas itu sahaja yang akan diberikan sesuatu tanggungjawab.

Maka, kepercayaan pihak pemerintah dan masyarakat terhadap individu yang berkeelayakan dan mempunyai kebolehan seharusnya dijaga agar kepercayaan itu tidak disalahgunakan untuk kepentingan diri sendiri.

3. Amanah terhadap diri sendiri.

Diri manusia dan seluruh anggota tubuh serta pancainderanya adalah menjadi amanah Allah s.w.t. Setiap yang bernama manusia mempunyai tanggungjawab dan kewajipan sama ada dari aspek lahiriah mahu pun rohaniah. Menjaga akal, nyawa, maruah dan sebagainya merupakan sebahagian daripada amanah terhadap diri sendiri yang telah ditentukan oleh agama Islam.

Kesucian hati serta memelihara anggota tubuh badan daripada digunakan untuk perkara-perkara yang dilarang Allah s.w.t. menjadi tanggungjawab dan tuntutan yang terkandung dalam pengertian amanah. Justeru, ia hendaklah dijaga dan dipelihara dengan menggunakannya untuk tujuan yang direndhai Allah s.w.t. hanya amat bersesuaian dengan sabda Rasulullah s.a.w.:¹⁷

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

Maksud: Setiap daripada kamu adalah pemimpin dan kamu bertanggungjawab terhadap orang yang dipimpin.

Balasan terhadap mereka yang tidak menunaikan amanah diperlihatkan kepada baginda Rasulullah s.a.w. yang jelas terakam dalam peristiwa Isra' dan Mikraj iaitu seperti kaum yang berpakaian koyak rabak di bahagian hadapan dan belakangnya, kemudian berlagak seperti haiwan ternakan yang memakan pohon-pohon berduri, daun-daun pahit serta batu-batu dari neraka Jahannam. Inilah gambaran terhadap mereka yang tidak menunaikan amanah yang telah dipertanggungjawabkan.

PENYELEWENGAN DALAM PENGURUSAN ZAKAT.

Dalam perkara yang melibatkan pengurusan dana zakat, Islam menekankan betapa pentingnya tugas amil dilaksanakan dengan penuh amanah. Tanggungjawab para amil adalah berat, ia bukan hanya semata-mata lantikan undang-undang, bahkan adalah kewajipan agama, amanah serta kepercayaan yang diberikan oleh D.Y.M.M. Sultan Selangor. Tugas sedemikian hendaklah disandang dengan penuh keinsafan untuk dilaksanakan dengan jujur, telus, cekap dan dedikasi.

Kejujuran, ketelusan, kecekapan dan dedikasi tanpa diiringi dengan sifat

¹⁷ Hadis riwayat Ahmad, Bukhari dan Muslim.

amanah akan menjadikan mereka yang menyandang jawatan amil itu melakukan penyelewengan dan pecah amanah serta akan mengabaikan kepentingan tugas dan jawatannya.

D.Y.M.M. Sultan Selangor sebenarnya amat prihatin mengenai aduan yang diterima oleh baginda berkaitan penyelewengan dan penyalahgunaan dana zakat. Baginda menyatakan rasa kesal sekiranya perkara ini benar-benar berlaku di Negeri Selangor kerana seluruh agensi agama di negeri ini termasuklah baginda Tuanku akan bertanggungjawab di hadapan Allah Rabbul Jalil.

Dengan demikian, atas dasar rasa tanggungjawab baginda telah menitahkan agar perkara ini diberi perhatian oleh para amil agar tidak melakukan penyelewengan dan penyalahgunaan dana zakat di negeri ini. Sekiranya perkara ini berlaku pada masa akan datang, tanggungjawab baginda sebagai Ketua Agama serta agensi agama yang lain seperti Ahli Lembaga Pemegang Amanah LZS, MAIS, Jabatan Mufti Negeri Selangor serta Jabatan Agama Islam Selangor sudah terlerai. Para amil akan bertanggungjawab sepenuhnya di hadapan Allah s.w.t. dan menanggung dosa atas segala perbuatan yang dilakukan akibat daripada sikap mazmumah yang tidak dapat dibendung.

Dalam urusan membuat bancian pula, para amil yang membuat bancian terhadap mereka yang wajib membayar zakat mestilah melakukannya secara betul dan tepat supaya tidak ada dalam kalangan mereka yang wajib membayar zakat terlepas pandang daripada banciannya.

Lebih-lebih lagi apabila melaksanakan tugas untuk membanci orang-orang yang berhak menerima zakat. Dalam menentukan penerima zakat ini tidak ada istilah - *'ini orang kita dan itu bukan orang kita'* atau *'yang ini dari kumpulan saya dan yang itu bukan kumpulan saya'*. Apa yang penting ialah siapa yang layak menerima zakat maka ia hendaklah dimasukkan ke dalam senarai penerima walau ia pernah membenci kita atau ia bukan dalam kalangan ahli keluarga kita.

PENUTUP.

Ingatlah bahawa harta zakat bukan hak individu dan bukan juga hak sesiapa tetapi ia adalah hak Allah s.w.t. yang dipertanggungjawabkan kepada para amil untuk diagihkan kepada asnaf-asnaf yang ditentukan haknya oleh Allah s.w.t. dalam surah at-Taubah, ayat 60.

Sebarang penyelewengan dalam pengagihan dana zakat ini adalah membawa maksud melakukan penganiayaan kepada asnaf, terutamanya terhadap golongan fakir dan miskin.

Justeru, adalah diingatkan kepada para amil hendaklah membuat bancian dengan teliti kepada golongan penerima zakat. Pengurusan zakat yang menjurus kepada aspek kutipan dan agihan terletak kepada kebijaksanaan para amil untuk menguruskannya dan bagaimana boleh menarik lebih ramai lagi pembayar zakat dengan matlamat untuk menaikkan prestasi kutipan.